



SIARAN AKHBAR

SESI MUZAKARAH YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN BERSAMA PENYEDIA-PENYEDIA PERKHIDMATAN PELANCONGAN DI DAERAH TUTONG

1. Satu sesi muzakarah telah diadakan hari ini di antara Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan di Daerah Tutong, bertempat di Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong. Turut hadir pada sesi dialog berkenaan ialah Yang Mulia Awang Ajmin bin Haji Meludin, Pemangku Pegawai Daerah Tutong serta beberapa orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jabatan Daerah Tutong.
2. Tujuan utama sesi muzakarah tersebut adalah bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai produk, perkhidmatan dan pakej yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan pelancongan pada masa ini untuk dipromosikan khususnya bagi musim percutian bulan Disember 2021 dan Mac 2022. Ianya juga bertujuan untuk membincangkan penambahbaikan ke atas produk dan perkhidmatan yang sedia ada; mengenalpasti produk pelancongan baharu dan aktiviti-aktiviti yang boleh diketengahkan untuk dijadikan tarikan pelancong serta membincangkan penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh para penyedia perkhidmatan pelancongan.
3. Seramai 20 penyedia perkhidmatan pelancongan hadir pada sesi muzakarah berkenaan. Di dalam ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, beliau menekankan supaya penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan akan lebih peka dan mementingkan kebersihan premis dan keselamatan para pengunjung dari segi fasiliti dan peralatan yang digunakan bagi aktiviti-aktiviti pelancongan. Selain itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga hendaklah memastikan kesediaan penyedia-penyedia perkhidmatan untuk menerima kunjungan dari orang ramai sebelum mempromosikan apa jua produk atau perkhidmatan pelancongan.
4. Setelah sesi muzakarah, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya mengadakan lawatan ke Lanes Hotel di Pekan Tutong, Syarikat Minyak Wangi Gaharu Angkasa di Kampong Tanjong Maya, Bintudoh Green Spring Resort dan Eco Ponies Garden bertempat di Kampong Lamunin.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Hari Khamis 25 Zulhijjah 1442H / 5 Ogos 2021M